

TEMA 4 MASA DAN ARAH

Situasi 4.2 Masa (2)

Latar tempat : Kaunter perkhidmatan pelanggan di sebuah panggung wayang

Jurukaunter : Selamat petang, encik.

Pelanggan : Selamat petang.

Jurukaunter : Encik hendak menonton cerita apa?

Pelanggan : Saya hendak menonton cerita 'Dendam Perjanjian Dua Alam'.

Jurukaunter : Baik, tayangan untuk cerita 'Dendam – Perjanjian Dua Alam' ada pada pukul 10.00 pagi, 4.00 petang, dan 9.00 malam.

Encik hendak membeli tiket pada pukul berapa?

Pelanggan : Kalau macam itu, saya hendak menonton cerita pada pukul 4 untuk dua orang. Berapa harganya?

Jurukaunter : Baik, satu tiket harganya RM12. Kalau untuk dua orang, harganya RM24.

Pelanggan : Oo, RM24 ya, ini wangnya.

Jurukaunter : Ini tiket encik untuk dua orang. Terima kasih.

Pelanggan : Sama-sama.

Jurukaunter : Selamat menonton.